


# 6H4M KOREA + JEJU ISLAND



**JEJU ISLAND ADALAH PULAU TERBESAR DI KOREA SELATAN DAN TERKENAL DENGAN KECANTIKAN ALAM SEMULAJADI.**

6H4M

# KOREA + JEJU ISLAND



## HARI 01 KUALA LUMPUR - INCHEON

- Berkumpul di KLIA Terminal 1 @ 2 untuk menaiki penerbangan ke Incheon. (D7506 Bermalam di Incheon).

## HARI 02 INCHEON - CHUNCHEON - SEOUL

MT/MM

Lawatan di **Chuncheon**:

- Nami Island**: Pulau yang cukup terkenal sebagai lokasi penggambaran Winter Sonata dan mempunyai tarikan pemandangan semulajadi yang berbeza mengikut musim.

### Lawatan bulan Mac - November

- Membeli-belah di kawasan terkenal tengah bandar **Dongdaemun Market** dan **Dongdaemun Design Plaza** yang terkenal dengan rekabentuknya yang unik.

### Lawatan bulan Disember - Februari

- Dibawa ke **Ski Resort** untuk merasai pengalaman bermain salji di ski resort.

### Kos tambahan:

Sewa pakaian ski 15,000 won & sewa peralatan ski 35,000 won.

Bermalam di **Seoul**.

## HARI 03 SEOUL - JEJU ISLAND

SP/MT/MM

Lawatan di **Seoul**:

- Namsan Hanok Village**: Kampung Namsangol Hanok, juga dikenali sebagai "Kampung Rumah Tradisional di Lembah Namsan", ialah sebuah kampung Korea yang terletak di kawasan kejiranan Pil-dong di Jung-gu, daerah tengah Seoul, Korea Selatan tempat hanok atau tradisional Korea. Rumah telah dipulihkan untuk mengekalkan suasana asal kawasan itu.

Bergerak ke Gimpo airport untuk penerbangan ke Jeju.

Lawatan di **Jeju**:

- Iho Tewoo Beach**: Pantai indah yang terletaknya rumah api berbentuk kuda di tengah pantai beserta pemandangan pesisiran pantai yang menenangkan.
- Dongmun Market**: Salah satu pasar tradisional yang paling sibuk di Pulau Jeju yang menjual pelbagai produk tempatan Korea seperti 'Street Food', cenderamata dan juga makanan laut segar.

Bermalam di **Jeju**.

## HARI 04 JEJU ISLAND

SP/MT/MM

- Seongsan Ilchubong Sunrise Peak**: Seongsan Ilchubong, juga dipanggil 'Puncak Matahari Terbit', ialah kon tuf pola dasar yang dibentuk oleh letusan hidrovolkanik di dasar laut cetek kira-kira 5 ribu tahun yang lalu.
- Seongeup Folk Village**: Perkampungan orang asli Seongeup menunjukkan budaya unik Pulau Jeju. Penduduk kampung bertindak sebagai pemandu sukarela untuk menawarkan pelbagai maklumat kepada pengunjung.
- Seopjikoji**: Tempat ini merupakan tarikan pelancong yang popular. Kon tuf berserta pemandangan lautan yang indah dan ladang bunga kanola boleh dilihat dengan mudah dari puncak Seopjikoji. Seopjikoji telah digunakan sebagai tapak penggambaran untuk banyak filem dan drama Korea.
- Camellia Hill**: Sebuah taman bunga terkenal di Jeju yang menampilkan bunga Camellia yang berwarna warni, jalanan berjalan kaki yang tenang, dan merupakan lokasi sangat cantik untuk bergambar.
- O Sulloc Tea Museum**: Muzium ini mempunyai galeri teh, kawasan rehat mesra alam dan kafe, pengunjung boleh menikmati pencuci mulut berasaskan teh lazat.
- Aewol Coastal Road**: Di Jalan Ilju barat akan bertemu jalan pantai yang berzigzag naik dan turun ke Aewol sejauh kira-kira 10km. Lengkungan jalan adalah keistimewaannya, dan pemandangan yang cantik sepanjang perjalanan.

Bermalam di **Jeju**.

## HARI 05 JEJU ISLAND - SEOUL

SP/MT/MM

Bergerak ke Jeju airport untuk penerbangan pulang ke Seoul.

Lawatan di **Seoul**:

- Bersiar-siar di **Itaewon Street** yang merupakan kawasan tumpuan penduduk tempatan dengan pelbagai jenis makanan jalanan, persembahan artis jalanan dan kafe-kafe.
- Bersolat di **Seoul Central Mosque** yang dibina pada tahun 1976 dan satu-satunya masjid di tengah kota Seoul.
- Membeli-belah di Ginseng Shop, Red Pine Tree Shop dan Cosmetic shop.
- Membeli-belah di kawasan terkenal **Myeongdong Market** dan **Namdaemun Market** untuk membeli cenderamata atau pakaian termasuklah butik-butik yang berjenama.
- Bersiar-siar di sepanjang laluan pejalan **Cheonggye-cheon Stream** sambil menonton persembahan lampu dan air yang terdapat di sepanjang sungai ini.

Bermalam di **Seoul**.

## HARI 06 SEOUL - INCHEON - KUALA LUMPUR

Menaiki penerbangan pulang ke Kuala Lumpur (tiba di KLIA Terminal 1 @ 2)

## PERTUKARAN MATA WANG



**SOUTH KOREA WON**  
KRW 1000 = RM 3.50



## PERBEZAAN WAKTU

Korea: GMT+9 Malaysia: GMT+8



### Musim Panas:

Jun - Ogos



### Musim Luruh:

Sept - November



### Musim Sejuk:

Disember - Feb



### Musim Bunga:

Mac - Mei

Incheon

Seoul

Jeju Island

# TOUR HIGHLIGHTS

1.



## JEJU ISLAND:

Pulau Jeju mempunyai gunung tertinggi di Korea, pantai yang indah, denai Jeju Olleh untuk pengembara, dan begitu banyak makanan sedap yang lazat untuk dilawati.

2.



## MYEONGDONG MARKET:

Membeli-belah di kawasan terkenal Myeongdong Market dan Namdaemun Market untuk membeli cenderamata atau pakaian termasuklah butik-butik yang berjenama.

3.



## SEONGSAN ILCUBONG SUNRISE PEAK:

Seongsan Ilchubong, juga dipanggil 'Puncak Matahari Terbit', ialah kon tuf pola dasar yang dibentuk oleh letusan hidrovulkanik di dasar laut cetek kira-kira 5 ribu tahun yang lalu.

4.



## SEOUL CENTRAL MOSQUE:

Masjid Itaewon merupakan masjid pertama di Korea Selatan yang menjadi pusat ibadat umat Islam di sana.

## Hotel Penginapan 3\* Hotel

BANDAR	BIL. MALAM
Seoul	2 Mlm
Jeju	2 Mlm

## Jadual Penerbangan



HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	MH 38	KUL - ICN	1450	2230
6	MH 39	ICN - KUL	0010	0545
1	D7 506	KUL - ICN	1000	1730
6	D7 505	ICN - KUL	0720	1335

## Harga Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan hotel bertaraf 3\* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
- Tiket penerbangan domestik Gimpo ke Jeju (bagasi 15kg).
- Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Tiket masuk ke tempat lawatan: Nami Island.
- Pengangkutan feri ke Nami Island.
- Kos pemprosesan K-ETA (untuk warganegara Malaysia sahaja).
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan ketua rombongan dan pemandu pelancong yang professional.
- Tip pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.
- **Shopping Compulsory:** Ginseng Shop, Red Pine Tree Shop & Cosmetic Shop.

## Harga Pakej Tak Termasuk

- Urusan permohonan K-ETA (perlu dilakukan oleh travel agent sendiri).
- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
- Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk.